

Mangsa bah dua daerah meningkat

JOHOR BAHRU: Muar dan Batu Pahat mencatat peningkatan mangsa banjir masing-masing kepada 10,563 dan 8,925 setakat jam 6 petang semalam, berbanding 10,536 dan 8,832 seperti yang direkodkan untuk tempoh sama, kelmarin.

Jumlah itu membabitkan 2,628 keluarga di Muar dan 2,070 keluarga di Batu Pahat berbanding semalam iaitu 2,621 dan 1,973 keluarga.

Berdasarkan statistik Bilik Gerakan Banjir Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) Johor, setakat jam 6 petang semalam, negeri ini mencatatkan pengurangan mangsa kepada 27,868 berbanding 28,940 pada tempoh sama dilaporkan kelmarin.

Jurucakapnya berkata, jumlah mangsa di Ledang dan Segamat masih tidak banyak berubah iaitu 6,742 dan 1,638.

Menurut jurucakap itu, 250 pusat pemindahan banjir ditutup setakat ini berikutan keadaan cuaca yang semakin pulih di enam daerah membabitkan Kluang, Johor Bahru, Kota Tinggi, Pontian, Kulai dan Mersing.

“Jumlah mangsa semakin berkurangan selepas pusat ter-

babit ditutup berikutan keadaan cuaca baik.

“Setakat jam 6 petang semalam, seramai 27,868 mangsa masih mendapatkan perlindungan di 101 pusat pemindahan banjir di seluruh negeri.

“Pusat pemindahan yang masih dibuka sehingga kini membabitkan 19 di Ledang, Segamat (16), manakala Muar dan Batu Pahat masing-masing mencatatkan sebanyak 28 dan 38 pusat pemindahan,” katanya.

Jurucakap berkata, keadaan banjir di negeri ini semakin pulih, namun pihaknya tetap berjaga-jaga berikutan cuaca yang tidak menentu di satu dua tempat.

“Hujan sekali-sekala mungkin bertukar lebat di satu dua tempat, justeru kami sentiasa berhubung dengan agensi kerajaan di setiap daerah bagi memantau keadaan pada setiap masa,” katanya.

Sementara itu, maklumat pada laman web Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati, sehingga jam 6 petang semalam, Sungai Muar di Bukit Kepong dilaporkan melebihi paras bahaya iaitu 2.97 meter.